



فرتوبوهن كبغساءن ملايو برساتو
PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION) UMNO

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

SETIAUSAHA AGUNG

UMNO/R/SUA/2/Jld.2/54
6 Disember 2022

KETUA UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN
SETIAUSAHA UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN
SETIAUSAHA WANITA UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN
SETIAUSAHA PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN
SETIAUSAHA PERGERAKAN PUTERI UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN

Yang Amat Berhormat/Yang Berhormat/Yang Berbahagia,

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BAGI TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Kerja Tertinggi UMNO telah bersetuju untuk menangguhkan Perhimpunan Agung bagi Tahun 2022 yang dijadualkan pada 21 hingga 24 Disember 2022 ke tarikh baharu seperti berikut :-

2.1 Perasmian Perhimpunan Agung Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri UMNO

Tarikh : 11 Januari 2023 (Rabu)
Masa : 8.00 malam
Tempat : Dewan Merdeka, Aras 4, WTCKL
Perasmi : **YB Dato' Seri Utama Mohamad Bin Hasan**
(Timbalan Presiden)
Pakaian : Uniform masing-masing (Wanita UMNO,
Pergerakan Pemuda dan Puteri)



Rakyat Didahulukan
People First



46322/A/0001/UK/En

2.2 Perhimpunan Agung Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri UMNO

Tarikh : 12 Januari 2023 (Khamis)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : **Wanita UMNO** –
Dewan Tun Razak 4, Aras 4, WTCKL
Pergerakan Pemuda –
Dewan Merdeka, Aras 4, WTCKL
Pergerakan Puteri –
Dewan Tun Dr Ismail/Dewan Tun Hussein Onn, Aras 2, WTCKL
Pakaian : Uniform masing-masing (Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Puteri)

2.3 Perhimpunan Agung UMNO 2022 (Hari Pertama)

Tarikh : 13 Januari 2023 (Jumaat)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Merdeka, Aras 4, WTCKL
Ucapan Dasar: **YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi**
(Presiden)
Pakaian : Kebangsaan Warna Merah (lelaki)
: Uniform masing-masing (Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Puteri)

Perhimpunan Agung Khas UMNO-Usul Pindaan Perlembagaan

Tarikh : 13 Januari 2023 (Jumaat)
Masa : 11.00 pagi
Tempat : Dewan Merdeka, Aras 4, WTCKL

2.4 Perhimpunan Agung UMNO 2022 (Hari Kedua)

Tarikh : 14 Januari 2023 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Merdeka, Aras 4, WTCKL
Pakaian : Kebangsaan Warna Bebas (lelaki)
: Uniform masing-masing (Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Puteri)

2.5 Pendaftaran Perwakilan

- i. Perwakilan Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri boleh membuat pendaftaran di Kaunter Pendaftaran, Aras 2 WTCKL pada 11 Januari 2023 (Rabu), bermula jam 9.00 pagi.
- ii. Perwakilan Bahagian boleh membuat pendaftaran di Kaunter Pendaftaran, Aras 2 WTCKL pada 12 Januari 2023 (Khamis), bermula jam 9.00 pagi.

3. Kesemua lima belas (15) orang Perwakilan setiap UMNO Bahagian termasuk enam (6) orang perwakilan bagi setiap sayap Bahagian dijemput untuk menghadiri Perhimpunan Agung UMNO 2022. Selaras dengan **Fasal 8.4 Perlembagaan UMNO** Perwakilan yang layak hadir adalah seperti berikut:-

- 3.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.
- 3.2 Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi.
- 3.3 Wakil yang dipilih oleh Perwakilan Tahunan Bahagian sebanyak seorang wakil bagi tiap-tiap lima ratus (500) orang ahli dengan syarat bilangan wakil-wakil itu tidak lebih dari tujuh (7) orang dari satu Bahagian termasuk Bahagian yang Jawatankuasanya sedang digantung jika Bahagian itu boleh mengadakan Mesyuarat Perwakilan Bahagian dengan sempurna.
- 3.4 Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri UMNO dan Setiausaha Bahagian yang telah mengadakan Mesyuarat Perwakilan Bahagiannya. Mereka di atas yang menjadi Ahli Majlis Kerja Tertinggi berhak melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Bahagian.
- 3.5 Tidak lebih daripada sepuluh (10) orang wakil Wanita UMNO, sepuluh (10) orang wakil Pergerakan Pemuda dan sepuluh (10) orang wakil Pergerakan Puteri yang dipilih oleh Perhimpunan Agung Pergerakan masing-masing.

3.6 Ketua Penerangan UMNO Bahagian-bahagian adalah dijemput hadir **selaku pemerhati** pada Perhimpunan Agung UMNO tahun ini.

4. Manakala bagi Perhimpunan Agung Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri selaras **Fasal 9.2 Peraturan Sayap**, Perwakilan Perhimpunan Agung Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri hendaklah terdiri daripada :-

- 4.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap jika mereka adalah Ketua Wanita UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri Bahagian, mereka boleh melantik ganti ke Perhimpunan Agung Pergerakan masing-masing.
- 4.2 Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.
- 4.3 Ketua, Naib Ketua dan Setiausaha Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri Bahagian-bahagian yang telah mengadakan Mesyuarat Perwakilannya. Jika mereka menjadi Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri UMNO Malaysia, maka bolehlah melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri Bahagiannya.
- 4.4 Dua (2) orang wakil yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan dari tiap-tiap Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri Bahagian. Mana-mana wakil yang tidak dapat hadir tidak boleh melantik gantinya.
- 4.5 Tidak lebih dari tiga (3) orang wakil Ahli Majlis Kerja Tertinggi.
- 4.6 Ketua Penerangan Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri Bahagian-bahagian adalah dijemput hadir **selaku pemerhati** pada Perhimpunan Agung UMNO tahun ini.

5. Sehubungan dengan ini, saya memohon kerjasama Yang Amat Berhormat / Yang Berhormat / Yang Berbahagia untuk menghantar dokumen di bawah ini ke Ibu Pejabat UMNO dengan kadar segera.

5.1 **Usul-Usul**

Bahagian-bahagian hendaklah menghantar usul-usul yang telah diluluskan oleh Perwakilan Bahagian masing-masing ke Ibu Pejabat UMNO Malaysia.

5.2 **Surat Tauliah dan Gambar Perwakilan UMNO 2022**

Bagi penyediaan surat tauliah dan lencana perwakilan Perhimpunan Agung 2022, sila log masuk melalui laman sesawang <https://mypacu.com>.

6. Semoga pihak Yang Amat Berhormat/Yang Berhormat/Yang Berbahagia dapat mengambil perhatian dan tindakan selanjutnya berhubung perkara di atas.

Sekian, terima kasih.

BERSATU ~ BERSETIA ~ BERKHIDMAT



DATUK SERI HAJI AHMAD BIN MASLAN

- s/k :
1. YBhg. Tan Sri Badruddin Amiruldin - Pengerusi Tetap
 2. YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi – Presiden
 3. YB Dato' Seri Utama Mohamad Bin Hj. Hasan - Timbalan Presiden
 4. Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri-negeri
 5. Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri-negeri
 6. Setiausaha Wanita, Pergerakan Pemuda & Puteri UMNO Malaysia
 7. Ketua Wanita, Pergerakan Pemuda & Pergerakan Puteri UMNO Bahagian-Bahagian